

Penekanan Nilai Dalam Konteks Pemilihan Kepimpinan Politik Di Malaysia

Hairol Anuar Hj Mak Din¹, Zakaria Stapa²

Pusat Pengajian Teras, KUIS¹, Fakulti Pengajian Islam UKM²

hairolanuar@kuis.edu.my¹, karia@ukm.my²

ABSTRAK

Kelazimannya praktis sistem demokrasi dikaji melalui pelaksanaan terhadap amalan Pilihan Raya. Output yang diperolehi melalui keputusan pengundian adalah penentuan secara sah bagi menentukan kemenangan atau kekalahan seseorang calon atau sesebuah parti. Perkara ini telah menjadi ketetapan dalam skema demokrasi yang diamalkan. Namun demikian, artikel ini akan meninjau dari perspektif kepentingan nilai sebagai salah satu elemen yang pada dasarnya turut berperanan dan menjadi kuasa penentu dalam membuat keputusan terhadap pemilihan kepimpinan politik. Justeru kajian telah dilakukan dengan menggunakan kaedah tinjauan dan responden terpilih adalah dalam kalangan generasi muda Melayu yang berada di kawasan lembah klang dan mempunyai latar belakang akademik pada peringkat Sarjana Muda dan ke atas. Penemuan kajian telah mendapati bahawa elemen nilai mempunyai konotasi yang signifikan dengan pemilihan kepimpinan politik di Malaysia.

Kata kunci: *nilai, kepimpinan, politik*

PENGENALAN

Kebelakangan ini, hubungan nilai dalam sistem demokrasi amat signifikan. Dunia pasca penjajahan secara dominan terdiri dalam kalangan majoriti negara yang mengamalkan sistem pemerintahan bercorak demokrasi dalam pelbagai versi. Hal yang sama turut dipraktikkan di Malaysia tentang demokrasi sebagaimana yang dipersetujui dalam Suruhanjaya Reid dahulu. Penggunaan istilah nilai pula merujuk kepada takrifan umum yang berupa sendi yang mengikat kukuh perhubungan dalam sesebuah masyarakat sehingga dapat menjamin kewujudan, kestabilan, keamanan, dan kesejahteraan dalam masyarakat tersebut. Keruntuhan sistem nilai ini berupaya menjadi ancaman kepada kesejahteraan bukan sahaja dalam lingkungan individu dalam masyarakat tetapi berupaya meruntuhkan sesebuah negara dan peradaban sesebuah bangsa.

SIGNIFIKAN NILAI DALAM LINGKUNGAN POLITIK

Kajian ini meninjau perspektif politik dari sudut pandang yang lain, di mana menurut kebiasaannya majoriti pengkaji politik gemar merumuskan suasana politik berasaskan nombor dan peratusan undi yang menjadi penentu kemenangan atau kekalahan dalam medan pilihan raya. Walau bagaimanapun perkiraan sebegini adalah bersifat konvensional, tetapi premis artikel ini lebih mendasar sifatnya dengan menjadikan elemen nilai yang sedia wujud menjadi pegangan sebagai subjek kajian. Pengiraan logika dan nombor ini secara realitinya berbeza dan berbentuk jangka masa pendek serta mudah untuk dimanipulasi, namun nilai adalah sesuatu yang lebih kompleks, abstrak dan berkesinambungan terhadap survival sesebuah peradaban manusiawi.

Transformasi sistem pemerintahan pasca penjajahan telah menetapkan bahawa perlantikan kepimpinan secara sah adalah melalui sistem demokrasi. Hak demokrasi telah membenarkan rakyat untuk terlibat secara langsung dalam pemilihan tampok pemerintahan melalui kaedah pilihan raya sebagaimana yang digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan. Kebarangkalian baik atau buruknya seseorang pemimpin atau parti pemerintah serta efisien atau tirisnya sistem pentadbiran dan budaya kerja sesebuah badan dalam kerajaan turut membolehkan rakyat membuat penilaian melalui pengekalan mahupun pertukaran tampuk kepimpinan kerajaan secara demokrasi melalui pilihan raya.

Selain itu, signifikan nilai dalam lingkungan politik ditemui apabila tren sensitiviti masyarakat terhadap sesuatu isu bersifat agama dan etnik turut mendasari pola pengundian pilihan raya (Mohd Azmir Mohd Nizah, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis & Azri Ibrahim 2016). Justeru, kajian ini akan meninjau sejauhmanakah peranan nilai mempengaruhi pengundi dalam membuat keputusan politik. Secara realitinya terdapat pelbagai faktor yang sebenarnya mempengaruhi nilai, sebagai contoh; sekiranya generasi terdahulu yang merasai perit getir dalam memperjuangkan kemerdekaan menjadikan pengalaman ini sebagai nilai yang paling utama iaitu mempertahankan kedaulatan negara, terdapat juga sebahagian masyarakat yang menjadikan latar agama serta bangsa menjadi pemberat utama dalam penentuan pemilihan politik tetapi kini nilai yang dianuti mulai berubah seiring dengan perubahan generasi dan zaman.

Walau bagaimanapun artikel ini melimitasikan penyelidikan kepada skop yang lebih berfokus iaitu kajian yang hanya melibatkan dalam kalangan generasi muda Melayu yang berpendidikan tinggi sahaja. Justifikasinya adalah hakikat terhadap pengaruh masyarakat Melayu dalam dunia politik di Malaysia adalah penting (Shamsul Amri Baharuddin 1983; Hussin Mutalib 1990). Atas faktor inilah skop kajian sebegini terpilih memandangkan kaum Melayu mempunyai pengaruh dan kuasa yang besar di dalam politik negara.

Hal ini kerana menurut Amer Saifude (2009) korelasi etnik turut dapat dilihat di dalam taburan kawasan pilihan raya kerusi Parlimen di Malaysia. Umumnya, kawasan majoriti Melayu/bumiputera merangkumi antara 60 peratus hingga 70 peratus kawasan pilihan raya, diikuti oleh kawasan majoriti kaum Cina yang berkisar antara 14 peratus hingga 17 peratus, dan kawasan yang bercampur antara 14 peratus hingga 17 peratus. Kawasan majoriti kaum Melayu/bumiputera yang merangkumi 60 peratus hingga 70 peratus daripada jumlah keseluruhan 222 kerusi Parlimen diterjemahkan dengan anggaran bilangan kerusi yang berlegar dalam kalangan bangsa Melayu adalah berjumlah 140 buah.

PERUBAHAN NILAI DALAM KALANGAN GENERASI MUDA

Berhubungan itu, kajian menemukan bahawa perubahan sosial telah membahagikan generasi kepada kapsul-kapsul yang berbeza (Hairol Anuar 2014). Dengan merujuk kepada tulisan Kamaruddin M.Said (2012), beliau telah menukulkan bahawa generasi era nasionalisme akan terus berpegang kepada kesedaran sejarah perjuangan untuk mencapai kemerdekaan. Generasi merdeka dan generasi DEB ingin terus mengingati bagaimana kemerdekaan negara memungkinkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia dilaksanakan dan faedah yang telah dan sedang dikecapi. Generasi pasca DEB, iaitu generasi muda yang turut berpeluang mengecapi hasil DEB, terutamanya dalam kalangan masyarakat Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak, lebih cenderung menyimpulkan bahawa kejayaan hidup yang sedang mereka lalui

ialah atas usaha serta kebolehan masing-masing. Kisah era penjajahan, perjuangan kemerdekaan, dan pelaksanaan DEB ialah kisah sejarah yang tidak menarik untuk sentiasa diperingati.

Latar nilai sebegini yang kini mewarnai kehidupan saban generasi didapati telah memainkan peranan cukup penting dalam kehidupan seseorang dan hal ini sekaligus telah menjadikan nilai sebagai kuasa penentu untuk membuat pilihan politik bagi memilih atau tidak memilih kepimpinan politik pada peringkat pilihan raya yang bakal diadakan. Oleh kerana itu, transisi nilai inilah yang menjadi garis pemisah di antara generasi pasca DEB (generasi muda) dengan trio generasi era nasionalisme, generasi merdeka, dan generasi DEB (generasi dewasa) dan diterjemahkan di dalam saluran-saluran undi dalam pilihan raya.

Konotasi negatif terhadap perubahan nilai telah mengundang bersama terhadap kemelut ketidakstabilan politik. Hakikatnya latar belakang budaya politik Melayu memiliki pengaruh yang besar kepada budaya politik Malaysia keseluruhannya. Pada masa kini terdapat segolongan kaum Melayu yang mulai berani mempertikaikan hak mereka sendiri di dalam Perlembagaan Persekutuan khususnya dalam Perkara 153: Hak istimewa orang Melayu dan bumiputera, Perkara 152: yang berkaitan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, dan Perkara 3: Islam sebagai agama Persekutuan sebagaimana yang didedahkan oleh Abdul Latif et al. (Utusan Malaysia, 16 Mac 2010). Hal sebegini sememangnya telah dijangka kerana di dalam kajian Maznah (2007), beliau telah menyatakan di dalam kedominan politik Melayu masa kini telah timbulnya perubahan sikap dalam kalangan pengundi yang tiada memori berkaitan dengan perjuangan kemerdekaan, persoalan kontrak, atau pengalaman rusuhan antara kaum.

Justeru, senario sebegini menghujahkan bahawa faktor etnik seseorang adalah tidak lagi signifikan dalam pertimbangan pengundi; seperti dalam penentuan calon pilihan raya. Hal ini adalah didasari oleh tren politik semasa yang menunjukkan bahawa faktor kepelbagaian etnik dalam pencalonan sesuatu parti mempunyai kecenderungan yang positif untuk penyebab kemenangan dalam pilihanraya. (Muhammad Shamshinor Abdul Azzis, Farid Wajdi Mohd Nor, Afi Roshezry Abu Bakar dan Mohd Azmir Mohd Nizah 2016:137). Prioriti masyarakat Melayu, khususnya dalam kalangan urban Melayu adalah kemampuan calon dari segi implementasi manifesto. Selain itu, faktor karisma pemimpin, kawalan terhadap isu serta integriti adalah elemen yang menjadi pertimbangan dalam pengundian (Paimah Atoma et al 2013: 135). Transisi dari kepentingan ketuanan Melayu pada awal kemerdekaan kepada keterbukaan dari segi pemilihan pemimpin pada masa kini menuntut ruang wacana yang serius.

Ketirisan kebergantungan bangsa Melayu terhadap Institusi Beraja pula semakin pudar apabila masyarakat Melayu selepas merdeka mula beralih angin dari terlalu bergantung kepada kedudukan institusi beraja kepada kebergantungan kepada parti-parti politik Melayu semata-mata (Chandra Muzaffar 1992). Walhal tema demokrasi yang menjadi amalan di Malaysia mempraktikkan formula 'demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan' di mana secara kolektifnya para sarjana malahan majoriti ahli politik mengakui bahawa ianya merupakan suatu konsep gabungan unsur-unsur tradisi dan moden, mempertahankan yang asal dan asas sambil menyerap yang baharu dan luaran secara terpilih. Semangat 'demokrasi berparlimen' yang pada teorinya memberi hak sama rata perlu dikawal dengan 'kedaulatan raja berperlembagaan' yang menjadi sauh kepada kestabilan yang berurat tunjang pada tradisi (Firdaus Hj Abdullah 2008). Namun tema ini semakin lenyap seiring usia para pendokongnya.

Oleh sebab itu, peranan nilai amat mustahak kerana kuasa nilai inilah berperanan sebagai penentu utama di dalam sistem politik yang menjadi wasilah demokrasi dalam

pembentukan negara dan seterusnya membina peradaban. Baik atau buruknya, benar atau salahnya, bersih atau kotornya sistem demokrasi bergantung sepenuhnya kepada nilai masyarakatnya yang menjadi pelaku utama di dalam pentas politik.

KESINAMBUNGAN NILAI DALAM KAJIAN LEPAS

Lazimnya kajian terhadap kelakuan mengundi juga boleh dirujuk di dalam bidang Sains Politik. Bidang yang mengkaji aliran pemikiran pengundi yang mempengaruhi pola pengundian dipanggil psephology. Menurut Syed Ahmad Hussein (1996) terdapat beberapa rumusan dan hipotesis utama yang timbul dari kajian-kajian ini yang dijadikan panduan am kepada mereka yang berminat untuk mengkaji kelakuan pengundi dalam satu-satu konteks sebenar. Antara sarjana-sarjana psephology yang dirujuk adalah Peter B. Harris (1979), Richard Rose (1974), dan Angus Campbell (1966). Diantara panduan am bagi mengkaji kelakuan pengundi di dalam satu-satu konteks sebenar, ialah:

- a. Kebanyakan orang, termasuk mereka yang tidak keluar mengundi, merasakan bahawa pilihan raya, pengundian, dan perwakilan adalah baik dan berfaedah.
- b. Di kebanyakan negara demokratik liberal antara 80 peratus hingga 90 peratus pengundi tidak mengubah ketaatan parti mereka, iaitu mereka terus menyokong parti yang sama dari satu pilihan raya ke satu pilihan raya.
- c. Tetapi mereka yang mengubah fikiran (atau yang digelar 'pengundi terapung') mempunyai 'impact' yang mendalam ke atas keputusan pilihan raya.
- d. Kempen-kempen pilihan raya sebelum hari mengundi tidak banyak mempengaruhi keputusan majoriti pengundi. Yang mungkin terpengaruh ialah golongan minoriti pengundi terapung.
- e. Manifesto-manifesto dan kenyataan-kenyataan tentang pendirian calon atau parti terhadap isu-isu juga tidak banyak mengubah fikiran pengundi.
- f. Media massa seperti radio, television, dan akhbar juga tidak banyak mempengaruhi pengundi. Malah ramai pengundi yang bosan (irritated) dengan kempen-kempen pilihan raya melalui radio dan television.
- g. Kebanyakan pengundi membuat keputusan sesuatu parti atau calon berdasarkan angkubah-angkubah seperti kelas, agama, umur, kawasan, jantina, dan pendapatan.
- h. Pengaruh yang terbesar ialah pengaruh keluarga, terutamanya di negara-negara membangun. Tetapi di Britain turut didapati 90 peratus pengundi mengundi parti yang sama seperti yang dipilih oleh bapa mereka.
- i. Kebanyakan pengundi menghubungkan sesuatu parti itu dengan imej-imej tertentu yang agak tetap dan mereka mengundi berdasarkan imej (stereotype) ini dan bukannya perkiraan-perkiraan rasional tentang isu-isu tertentu.

Justeru itu, pengaruh nilai di dalam pemilihan kepimpinan politik sebenarnya adalah sesuatu yang mustahak dan tidak wajar dipinggirkan.

Selain itu juga, kajian terhadap keputusan pilihan raya pula banyak dianalisa oleh disiplin akademik Geografi Pilihan Raya yang turut mengkaji tingkah laku pilihan raya. Sehubungan dengan itu, Taylor & Johnston (1979) berpendapat geografi pilihan raya adalah kajian yang berkaitan dengan geografi pengundian, pengaruh geografi terhadap pengundian, dan pengaruh geografi terhadap perwakilan. Justeru kajian terhadap nilai terkelompok dalam bidang geografi pilihan raya khususnya dalam menilai sejauhmanakah sistem ini berpengaruh dalam kalangan kelompok kelas menengah Melayu bagi menentukan kepimpinan politik di Malaysia.

Hubungan nilai dalam sistem politik di Malaysia turut dapat dilihat melalui beberapa kajian-kajian sebelum ini yang sekaligus telah menimbulkan semacam kesedaran baru dalam pemikiran politik masyarakat Melayu moden di Malaysia. Kelangsungan nilai dalam menentukan hala tuju politik di Malaysia juga boleh dirujuk di dalam kajian-kajian berikut, sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Mohamad Kamil & Rahimin Affandi (2009), antaranya: Kajian Ahmad Fauzi Mohd Basri (1996), Kajian Syed Ahmad Hussein (2002), Kajian Zulkipli Abd Ghani (2002) dan Kajian Mohamad Abu Bakar (2002).

KEPENTINGAN PEMIMPIN POLITIK DALAM KEHIDUPAN

Dalam sebahagian penemuan kajian sebagaimana yang tertera dalam jadual di bawah didapati responden yang ditemukan mengakui terhadap kepentingan kepimpinan politik ke atas diri mereka dan ini adalah refleksi golongan ini terhadap nilai yang menjadi pegangan mereka tentang kepentingan pemimpin politik dalam kehidupan mereka.

Jadual 1.0 Kepentingan pemimpin politik dalam kehidupan

| Bil | Penyataan | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Kurang Setuju | Setuju | Sangat Setuju |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| 1. | Pemilihan seseorang pemimpin politik adalah sesuatu yang bernilai di dalam hidup saya | 4 (0.7%) | 15 (2.8%) | 81 (14.9%) | 306 (56.3%) | 138 (25.4%) |
| 2. | Pemilihan kepimpinan politik pada masa kini adalah penting untuk generasi masa hadapan | 1 (0.2%) | 4 (0.7%) | 16 (2.9%) | 267 (49.1%) | 256 (47.1%) |
| 3. | Pemilihan kepimpinan politik penting kerana sesebuah kerajaan hanya boleh dibentuk melalui kaedah demokrasi sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan | 5 (0.9%) | 12 (2.2%) | 50 (9.2%) | 304 (55.9%) | 173 (31.8%) |
| 4. | Rakyat mampu mengawal pemimpin mereka dengan cara mengundi atau tidak mengundi di dalam pilihan raya | 8 (1.5%) | 31 (5.7%) | 94 (17.3%) | 287 (52.8%) | 124 (22.8%) |
| 5. | Saya tidak akan mengundi di dalam pilihan raya | 215 (39.5%) | 134 (24.6%) | 131 (24.1%) | 44 (8.1%) | 20 (3.7%) |

Jadual di atas menunjukkan kepentingan pemimpin politik dalam kehidupan. Analisis dapatan kajian mendapati item yang paling tinggi peratusan adalah di bilangan nombor dua iaitu pernyataan berkenaan pemilihan kepimpinan politik pada masa kini adalah penting untuk generasi masa hadapan (47.1 peratus), diikuti peratusan paling tinggi menunjukkan item di berkenaan pernyataan pemilihan kepimpinan politik penting kerana sesebuah kerajaan hanya boleh dibentuk melalui kaedah demokrasi sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan (31.8 peratus). Manakala penemuan kajian menunjukkan item di bilangan nombor lima merupakan dapatan peratusan yang paling rendah iaitu pernyataan berkenaan saya tidak akan mengundi di dalam pilihan raya mendapat peratusan yang paling tinggi di dalam kompenan sangat tidak setuju iaitu 39.5 peratus.

Pilihan raya sebagaimana yang ditakrifkan oleh Syed Ahmad Hussein (1996) adalah proses di mana mereka yang diperintah itu menentukan, melalui cara-cara pemilihan tertentu, wakil-wakil yang kepadanya diserahkan mandat untuk membuat keputusan, dasar dan undang-undang masyarakat. Ini jelas membuktikan bahawa kepimpinan politik amat penting di dalam

kehidupan golongan kelas menengah Melayu ini. Proses pilihan raya yang merupakan elemen penting di dalam demokrasi memperkukuhkan hujah kenapa seseorang pemimpin sewajarnya dipilih oleh rakyat dan bukannya dilantik (Mohd Izani 2005). Ini selaras dengan tren pengundi yang cenderung membentuk pola pengundian berdasarkan persepsi kemampuan pemimpin untuk menangani isu dominan dalam kehidupan seharian masyarakat (Muhammad Shamshinor et al. 2016).

Amer Saifude (2009) menegaskan bahawa apabila rakyat keluar mengundi bermakna mereka terlibat di dalam pilihan raya. Akan tetapi, ada yang tidak keluar mengundi walaupun mereka layak berbuat demikian. Kebiasaannya, kadar keluar mengundi menjadi pengukur kepada keterlibatan masyarakat di dalam pilihan raya. Lebih tinggi kadar keluar mengundi, bermakna lebih ramai pengundi yang terlibat dalam proses pilihan raya, dan begitu juga sebaliknya. Kadar keluar mengundi yang rendah, sering menjadi bahan kajian di dalam disiplin geografi pilihan raya dan dilabel 'tidak sihat' kepada proses demokrasi.

Tidak dapat dinafikan kelahiran dan kejayaan sesebuah masyarakat acapkali diwarnai oleh kesan kepimpinan. Sejarah menjadi bukti bagaimana bangsa dan tamadun yang hebat dicorak dan dibentuk oleh pemimpin yang berjiwa besar, berpandangan jauh serta berani membuat perubahan (Khairil Annas 2009). Pernyataan ini diperkukuhkan dengan akuan bahawa pemilihan seseorang pemimpin politik adalah sesuatu yang bernilai di dalam hidup mereka (81.6 peratus, $\text{min}=4.02$, $\text{SP}=0.76$). Dapatan kajian ini jelas memperlihatkan majoriti kumpulan sasaran ini memperakui kepentingan kepimpinan politik di dalam kehidupan mereka.

Hal ini turut terkait dengan jumlah peratus sebanyak 96 peratus ($\text{min}=4.42$, $\text{SP}=0.61$) yang merasakan bahawa pemilihan kepimpinan politik pada masa kini adalah penting untuk generasi pada masa hadapan. Majoriti responden turut bersetuju bahawa kejatuhan sesebuah negara boleh disebabkan oleh tindakan salah pilih pemimpin di dalam pilihan raya (85 peratus, $\text{min}=4.11$, $\text{SP}=0.78$). Hemat sebegini adalah seiring dengan pandangan Javid Iqbal (1983) bahawa pendekatan pilihan raya sememangnya disokong oleh pendokong demokrasi dan mereka yang menerima konsep demokrasi Islam. Bagi mereka, pilihan raya perlu diadakan bagi memastikan pemimpin terbaik dapat dilahirkan. Jika calon yang menang itu gagal berkhidmat dengan baik, maka mereka boleh digugurkan dalam pilihan raya akan datang dan menggantikannya dengan individu lain.

PENUTUP

Oleh kerana itu, penemuan kajian ini amat relevan di dalam menilai sisi lain terhadap sistem politik yang berlaku dalam negara ini. Survival sistem politik melalui wadah demokrasi, dikaji melalui penumpuan dan penekanan terhadap nilai yang begitu penting di dalam kehidupan manusia. Hal ini kerana pemahaman dan penghayatan nilai sangat berkait rapat dengan maju atau mundurnya sesebuah peradaban yang menjadi formula terhadap kelangsungan sesebuah negara.

RUJUKAN

- Amer Saifude (2009) *Geografi Pilihan Raya dan Tingkah Laku Pilihan Raya Malaysia 1959-2008*. Kuala Lumpur: UM.
- Chandra Muzaffar. 1996. *Keadilan Sosial Di Malaysia: Satu Penilaian*. Pemikir Julai-September
- Dahl, Robert A. 1975. *Modern Political Analysis*. New Delhi: Prentice Hall.
- Easton, D. 1965. *A Framework for Political Analysis*. New Jersey: Prentice Hall. Federal Constitution. 2002. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Firdaus Hj Abdullah. 2008. *Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan*. Dewan Masyarakat Edisi Khas PRU Ke-12.
- Glassner, M.I. 1996. *Political Geography*. New York. John Wiley and Sons.
- Hairol Anuar. 2010. *Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Patriotisme (Edisi Kedua)*. Bandar Seri Putra: Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Akademik KUIS.
- Hairol Anuar et al. 2016. *Kertas Kerja yang bertajuk: Konotasi Nilai Dalam Pemilihan Kepimpinan Politik dalam Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan 4*. 13-15 Mac 2016 UPSI
- Kamaruddin M.Said. 2012. *Kesedaran Sejarah dan Transformasi Sosial di Malaysia*. Kertas Kerja Seminar Sejarah. Anjuran Persatuan Sejarah Malaysia. Wisma Sejarah, 2011.
- Khairil Annas. 2009. *Evolusi Kepimpinan: Tinjauan Teori-Teori Terpilih*. Kuala Lumpur: Kasturi Jingga.
- Maznah Mohamad. 2003. *The contest for Malay votes in 1999: UMNO's most historic challenge*. Dlm. Francis Loh Kok Wah & Johan Saravanamuttu. Eds. *New Politics in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asia Studies.
- Miller, J.D.B. 1965. *The Nature of Politics*. London: Penguin.
- Mohamad Kamil dan Rahimin Affandi. 2009. *Perubahan Sosial dan Impaknya terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun*. Jurnal Hadhari. Bil 1.
- Mohd Izani. 2005. *Islam dan Demokrasi: Cabaran Politik Muslim Kontemporari di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Abu Bakar Abu Bakar. 1992. *Persekitaran Masa Depan Politik Malaysia*, Dunia Islam. April.
- Muhammad Shamshinor Abdul Azzis, Farid Wajdi Mohd Nor, Afi Roshezry Abu Bakar, Mohd Azmir Mohd Nizah. 2016. *Penerusan Kuasa Rakyat di Selangor*. Dlm. *Muhamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud (pnyt.). Pilihan Raya Umum ke-13: Kesenambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Hlm. 121-140. Sintok: UUM Press.
- Mohd. Azmir Mohd. Nizah, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis, Mohd. Azri Ibrahim. 2016. *Selangor Voters Perception Towards Issues in 13th Malaysian Election*. Mediterranean Journal of Social Sciences. 7(1):44-51. ISSN 2039-9340. <http://dx.doi.org/10.5901/mjss.2016.v7n1s1p44>
- Paimah Atoma, Adenan Mat Junoh, Adibah Sulaiman@Mohamad, Mohd Azmir Mohd Nizah, Khairulneezam Mohd Nor, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis. 2013. *Persepsi Pengundi Terhadap Isu yang akan Mempengaruhi Keputusan PRU-13 di Negeri Sembilan*. Dlm. *Shamsul Amri Baharuddin & Mansor Mohd Noor (pnyt.). PRU-13: Siapa Pilihan Pengundi?*, hlm. 122-139. Bangi: Institut Kajian Etnik, UKM.
- Ramanathan, K. 1997. *Asas Sains Politik*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Roff, William R. 1967. *The Origin of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: The University of Malaya Press.
- Saravanamuttu, Johan. 1989. *Kelas Menengah dalam Politik Malaysia: Tonjolan Perkauman atau Kepentingan Politik?*. Kajian Malaysia. Jil. 7 bil 1 & 2.

- Shamsul Amri Baharuddin. 2008. *Pembangkang dan Kepembangkangan*. Dewan Masyarakat Edisi Khas PRU Ke-12.
- Syed Ahmad Hussein. 1996. *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: DBP. Utusan Malaysia. 2010. 16 Mac.
- Zainal Kling. 2008. *Gerakan Memperjuangkan Melayu*. Dewan Masyarakat Jun 2008.
- Zakaria Stapa. 2009. *Manusia Pembina Tamadun: Perspektif Pemikiran Islam*. Jurnal Hadhari. Bil 1.